

Membangun Daya Tahan Perlindungan Sosial Menerusi Lensa Eklektik: Peranan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam Menangani Tekanan Kos Sara Hidup Golongan Rentan di Malaysia (*Developing Social Protection System Resilience Through an Eclectic Lens: The Role of the Employees Provident Fund in Addressing Cost-of-Living Strain on Vulnerable Groups in Malaysia*)

Siti Norayu Waluyob* dan Muhamad Azwan Abd Rahman

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p121927@siswa.ukm.edu.my

Diserah: 27 November 2025 / Diterima: 18 May 2026

Abstrak. Sistem perlindungan sosial memainkan peranan penting dalam memperkukuh ketahanan sosioekonomi negara dan salah satunya ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Dalam konteks evolusinya di Malaysia, sistem ini telah memberikan manfaat besar terhadap pembangunan kesejahteraan rakyat. Justeru, artikel ini menghujahkan KWSP yang merupakan salah satu sistem perlindungan sosial di Malaysia bukan setakat perlu beradaptasi dengan perkembangan tertentu yang mencabar bahkan dituntut penilaian yang lebih jelas untuk menangani tekanan kos sara hidup pekerja golongan rentan di Malaysia. Sehubungan itu, dalam menghuraikan teka-teki intelektual secara kritikal, artikel ini disangga dengan tiga kerangka imperatif iaitu Peranan Negara, Pembangunan sebagai Kebebasan dan Masyarakat Berisiko yang dikenali sebagai pendekatan eklektik bagi membangun solusi yang berdaya tahan. Kewibawaan analisis yang lebih menyeluruh terhadap hubungan antara pembangunan sosioekonomi, keadilan sosial dan pengurusan risiko dalam konteks negara membangun dipertaruhkan menerusi pendekatan eklektik ini. Pengkaedahan kualitatif digunakan khasnya sumber primer diperolehi daripada temu bual mendalam separa berstruktur bersama informan berwibawa, perbincangan kumpulan tumpu (FGD) dan analisis dokumen. Manakala sumber sekunder dikumpul daripada data kajian kepustakaan yang terdiri daripada bahan-bahan bercetak dan dalam talian yang berwibawa. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun KWSP berfungsi sebagai institusi utama insurans sosial, struktur caruman berasaskan peratusan telah mewujudkan ketidakseimbangan perlindungan antara pekerja formal dan tidak formal. Keadaan ini meningkatkan kerentanan golongan B40, wanita, warga emas, pekerja tidak formal dan orang kurang upaya, terutama untuk melantun kembali ketika berdepan krisis ekonomi dan kenaikan kos sara hidup. Artikel ini menegaskan keperluan reformasi sistem perlindungan sosial yang lebih inklusif, responsif dan mampan bagi memastikan kesejahteraan golongan rentan benar-benar terpelihara.

Kata kunci Golongan Rentan; keadilan sosial; KWSP; pembangunan inklusif; kos sara hidup; sistem perlindungan sosial

Abstract. The social protection system plays a crucial role in strengthening national socioeconomic resilience, and one of its central institutions in Malaysia is the Employees Provident Fund (EPF). Throughout its evolution, the EPF has contributed significantly to enhancing public welfare and socioeconomic development. This article argues that the EPF, as a key component of Malaysia's social protection, must not only adapt to increasingly complex socioeconomic challenges, but also undergo clearer and more comprehensive evaluation in addressing cost-of-living pressures faced by vulnerable workers in Malaysia. In critically unpacking this intellectual puzzle, the article is anchored in three imperative theoretical foundations namely the Role of the State, Development as Freedom, and Risk Society, collectively framed through an eclectic approach aimed at developing more resilient solutions. This eclectic perspective enables a broader analysis of the relationship between socioeconomic development, social justice, and risk management within the

context of a developing nation. The study adopts a qualitative methodology, where primary data were obtained through semi-structured in-depth interviews with authoritative informants, focus group discussions (FGDs), and document analysis. Secondary data were gathered from credible printed and online sources. Findings reveal that although the EPF functions as Malaysia's principal social insurance institution, its contribution-based structure has created unequal protection between formal and informal workers, consequently increasing the vulnerability of the B40 group, women, older persons, informal workers, and persons with disabilities during economic crises and rising living costs. The article therefore emphasises more inclusive, responsive, and sustainable social protection reforms nationally.

Keywords *Cost of Living; EPF; inclusive development; social protection system; vulnerable groups; social justice*

Pengenalan

Ketahanan sosioekonomi serta kekuatan sistem perlindungan sosial menjadi asas penting dalam menjamin kesejahteraan masyarakat dan melindungi individu daripada risiko kemiskinan serta ketidaksamarataan (Organisation for Economic Co-operation and Development [OECD], 2017). Selaras dengan Artikel 22 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, jaminan sosial diiktiraf sebagai hak asas yang menyokong maruah serta pembangunan diri individu (United Nations [UN], 2017). Walau bagaimanapun, pelaksanaan perlindungan sosial terus berhadapan tekanan struktural termasuk peningkatan kos sara hidup, inflasi, ketidakstabilan politik dan ketidaktentuan pendapatan yang menjejaskan daya tahan masyarakat global (International Labour Organization [ILO], 2021). Ketidakseimbangan liputan juga ketara apabila hanya sebahagian populasi dunia menikmati perlindungan menyeluruh, manakala sejumlah besar masih berada di luar jaringan keselamatan sosial (ILO, 2021). Jurang ini semakin jelas antara negara berpendapatan tinggi dan rendah, mencerminkan kekangan fiskal serta kapasiti institusi yang tidak seimbang (ILO, 2024). Justeru, pendekatan transformatif termasuk pendigitalan dan reformasi pembiayaan sosial semakin dilihat sebagai strategi penting bagi meningkatkan keterangkuman perlindungan sosial (United Nations Development Programme Bangkok Regional Hub [UNDP], 2023). Dalam konteks Agenda Pembangunan Mampan 2030, perlindungan sosial kekal sebagai instrumen kritikal dalam pembasmian kemiskinan, meskipun kemajuan terhadap sasaran sosial masih menunjukkan keterbatasan yang ketara (United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific [ESCAP], 2024).

Di Malaysia, perlindungan sosial telah lama menjadi sebahagian daripada naratif pembangunan negara dengan menampilkan usaha berterusan dalam memperkukuh sistem perlindungan sosialnya bagi menangani kemiskinan, ketidaksamarataan dan isu keterangkuman sosial. Penelitian Abdul Rahman (2004), Abdul Aziz (2000) dan Sity (2004) menempatkan perlindungan sosial sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan negara. Kajian lanjutan oleh Ali (2010), Abdul Rahman (2016) serta Adnan dan Sity (2018) meneliti peranan negara dalam merancang program sosial. Manakala, Md Nooh et al. (2021) dan Samad (2022) menilai pelaksanaan bantuan tunai serta kesannya terhadap kesejahteraan rakyat. Keseluruhannya, evolusi sistem perlindungan sosial di Malaysia menunjukkan keupayaan negara menyesuaikan dasar dan mekanisme sedia ada dengan cabaran sosioekonomi semasa. Namun, penekanan terhadap kejayaan dasar dan evolusi sejarah ini cenderung mengaburkan cabaran semasa, termasuk jurang perlindungan antara pekerja formal dan tidak formal, peningkatan kos sara hidup, serta keterdedahan golongan B40, wanita, warga emas dan orang kurang upaya yang masih kurang dilindungi oleh mekanisme sedia ada.

Walaupun literatur terdahulu telah memperkaya perbincangan mengenai dasar dan pelaksanaan perlindungan sosial di Malaysia, masih terdapat kekurangan kajian yang menganalisis sistem perlindungan sosial secara bersepadu dengan mengaitkan peranan negara, keadilan sosial dan pengurusan risiko dalam satu kerangka konseptual yang menyeluruh. Sehubungan itu, artikel ini memfokuskan analisis terhadap sistem perlindungan sosial di Malaysia melalui pendekatan eklektik yang menggabungkan Teori Peranan Negara, Teori Pembangunan sebagai Kebebasan oleh Sen (1999) dan Teori Masyarakat Berisiko oleh Beck (1992). Sumbangan utama artikel ini terletak pada usaha memperluas literatur sedia ada dengan membangunkan

kerangka analisis yang lebih komprehensif, di samping menawarkan implikasi dasar bagi pembaharuan sistem perlindungan sosial yang lebih inklusif, responsif dan mampan.

Perkembangan Sistem Perlindungan Sosial di Malaysia

Sejajar dengan perkembangan semasa dan peredaran zaman, Malaysia telah melalui perjalanan panjang dalam pembangunan ekonomi, sosial dan politiknya sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Menurut Mohd Balwi (2005) melalui pelaksanaan pelbagai Rancangan Pembangunan Negara, Malaysia mengadaptasi strategi pembangunan yang disesuaikan dengan perubahan semasa bagi membina ekonomi yang lebih berdaya saing dan inklusif serta mengurangkan jurang pendapatan antara kaum dan wilayah. Perubahan dasar ini menandakan kemajuan berterusan negara dalam usaha memperkukuh kesejahteraan rakyat (Adnan et al., 2018).

Sejarah pembangunan ekonomi Malaysia berkembang selari dengan perubahan geopolitik domestik dan peralihan ekonomi dunia. Abdul Rahman (2000) menjelaskan bahawa pendekatan negara pembangunan yang diambil telah menghasilkan pertumbuhan sosial dan ekonomi yang signifikan. Perjalanan evolusi sistem perlindungan sosial dapat dikaitkan dengan empat fasa utama pembangunan negara: fasa *laissez-faire* (1957–1970), fasa campur tangan negara (1971–1980), fasa liberalisasi dan persyarikatan Malaysia (1981–1996), serta fasa kegawatan ekonomi bermula tahun 1997 (Abdul Aziz, 2000). Fasa-fasa ini kemudiannya berkembang ke arah pembangunan sumber manusia (S.M.Dawilah et al., 2010), fasa transformasi nasional (2009–2018) (Ali, 2010), fasa kemerosotan politik (2019–2022) (Ilyas, 2021). Kini berada dalam fasa perpaduan negara (2023–kini) di bawah payung Malaysia MADANI (Ibrahim, 2023).

Melis (2018) menegaskan bahawa pembangunan ekonomi dan sosial memiliki hubungan simbiotik yang memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan manusia dan kelestarian alam sekitar. Dalam konteks ini, penyusunan semula sistem ekonomi dan sosial, peningkatan taraf hidup rakyat, pengurangan kemiskinan serta pengecilan jurang ketidaksamarataan merupakan langkah penting ke arah pemeraksanaan masyarakat. Hujah Sarimin dan Hassim (2021), transformasi sosial ini bukan sahaja bertujuan untuk membasmi kemiskinan, tetapi juga untuk memperluas peluang dan kebebasan dalam tindakan manusia.

Dalam kerangka pembangunan tersebut, sistem perlindungan sosial Malaysia turut mengalami transformasi yang dinamik. Hurai Sarimin dan Hassim (2021) lagi, perlindungan sosial di Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga komponen utama: jaringan keselamatan sosial, insurans sosial, dan dasar pasaran buruh aktif. Sementara itu, Khazanah Research Institute [KRI] (2021) mengklasifikasikan sistem ini kepada dua kategori besar iaitu jaminan sosial dan perkhidmatan sosial. Jaminan sosial merangkumi bantuan sosial yang dibiayai melalui cukai serta insurans sosial berasaskan caruman. Manakala, perkhidmatan sosial memberi tumpuan kepada penyediaan keperluan asas seperti kesihatan, pendidikan dan perumahan.

Tuntas, sistem perlindungan sosial Malaysia berfungsi atas prinsip mencegah, melindungi dan memperkasa, dengan pelaksanaannya didukung oleh pelbagai kementerian, agensi dan institusi yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat. Ekosistem perlindungan sosial di Malaysia bersifat pelbagai dan tersusun melalui mekanisme yang berbeza-beza saling melengkapi antara satu sama lain (Zin, 2012). Keadaan ini mencerminkan usaha negara membentuk jaringan sosial yang inklusif dan berdaya tahan.

Cabaran Golongan Rentan dan Isu Kos Sara Hidup

Isu kos sara hidup di Malaysia bukanlah fenomena baharu, malah merupakan isu sejagat yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat. Kajian Sabri (2017) mendapati lebih separuh rakyat Malaysia menanggung beban hutang tinggi akibat peningkatan kos sara hidup. Keadaan ini sekali gus meningkatkan kebergantungan terhadap simpanan KWSP. Golongan rentan paling terkesan kerana akses terhadap sumber kewangan dan perlindungan sosial formal amat terbatas.

Literatur antarabangsa mentakrifkan golongan rentan sebagai kelompok terdedah kepada risiko ekonomi dan sosial, tetapi tumpuan berbeza. United Nations (UN) menekankan wanita, warga emas, OKU, belia, pelarian dan migran (K. Arpine, 2024). OECD (2015) memberi penekanan kepada kemiskinan, kesihatan lemah, pendidikan rendah dan akses terhad kepada sumber asas. Manakala Bank Dunia menilai kerentanan berdasarkan keupayaan isi rumah menggunakan sumber dan perbelanjaan (Ruslan Yemtsov,

2013). Perbezaan ini menunjukkan bahawa pemahaman golongan rentan memerlukan gabungan perspektif sosial dan kapasiti ekonomi untuk dasar dan intervensi yang lebih efektif.

Di Malaysia, golongan rentan merangkumi B40, warga emas, wanita tanpa perlindungan mencukupi, OKU, dan komuniti luar bandar yang terdedah kepada ketidakstabilan kewangan serta tekanan kos sara hidup (Unit Perancang Ekonomi [EPU], 2021; Kementerian Kewangan Malaysia, 2025). Risiko ini lebih tinggi dalam isi rumah berpendapatan tunggal dan keluarga miskin di bandar dan luar bandar (Abdul Nasir, 2024; Abu Bakar et al., 2024), terbukti melalui keutamaan dasar pasca-COVID-19 terhadap B40 (Hamid et al., 2021). Kerentanan golongan ini bersifat multidimensi, dipengaruhi faktor sosial, ekonomi, geografi dan kesihatan (Barron & Staten, 1995; Kuran et al., 2020). Jurang antara sektor formal dan tidak formal menambah ketidaksamarataan. Dalam kajian Che Man et al. (2022), 18% tenaga kerja sektor tidak formal tergolong dalam kelompok rentan akibat ketidakpastian pendapatan. Ketidakseimbangan sosioekonomi mengehadkan akses kepada pendidikan, kesihatan dan keselamatan sosial. Keadaan ini mendedahkan golongan berpendapatan rendah kepada risiko kewangan yang lebih tinggi, terutamanya apabila kos sara hidup terus meningkat. Tekanan kos sara hidup yang meningkat lebih pantas berbanding pertumbuhan pendapatan telah mendorong peningkatan hutang isi rumah, simpanan yang rendah dan kekurangan dana persaraan dalam jangka panjang (Wahab et al., 2018). Hal ini ditambah oleh faktor global seperti kadar tukaran mata wang dan harga minyak dunia (Jefri, 2019). Sementara tekanan luaran seperti perubahan iklim, kemiskinan dan diskriminasi memperhebatkan kesukaran menyesuaikan diri (McNamara & Clissold, 2025; Rukmana, 2014). Bermakna, golongan rentan bukan sahaja terkesan dari sudut ekonomi malah berhadapan kekangan keupayaan menyesuaikan diri terhadap kejutan sosioekonomi semasa dan masa hadapan.

Walaupun kajian terdahulu telah menggariskan cabaran kos sara hidup, ketidaksamarataan dan jurang formal dan informal dalam perlindungan sosial, analisis yang menghubungkan cabaran ini secara langsung dengan keberkesanan mekanisme insurans sosial berasaskan caruman masih terhad. Khususnya, kekurangan kajian yang menilai sejauh mana sistem perlindungan sosial sedia ada mampu mengurangkan tekanan kos sara hidup golongan rentan mendedahkan jurang pengetahuan yang signifikan. Jurang ini menuntut penelitian yang lebih mendalam bagi memahami keperluan reformasi sistem perlindungan sosial agar lebih inklusif dan responsif terhadap realiti sosioekonomi semasa di Malaysia. Sesungguhnya, penyediaan perlindungan sosial yang menyeluruh memerlukan pendekatan komprehensif (Behrendt & Nguyen, 2019).

Bersandar kepada hujah tersebut, ditegaskan bahawa dasar perlindungan sosial perlu direka secara bersasar, inklusif dan responsif bagi menangani risiko yang semakin kompleks. Dasar perlindungan sosial perlu bersasar, inklusif dan responsif (Ul Mustafa et al., 2022). Pendekatan komprehensif ini melibatkan penyumbang dan bukan penyumbang kepada mekanisme perlindungan sosial merangkumi mekanisme pembiayaan yang adil dan mampan yang boleh dicapai melalui cukai atau sumbangan.

Peranan KWSP dalam Perlindungan Sosial

Sistem perlindungan sosial yang efektif mencerminkan kecekapan dasar negara dalam mengimbangi keperluan sosial dan ekonomi serta mengurangkan beban isi rumah. Dalam konteks ini, insurans sosial seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memainkan peranan strategik sebagai teras utama ekosistem perlindungan sosial negara. Peranan KWSP bukan sahaja terbatas kepada penyediaan simpanan persaraan, tetapi turut merangkumi fungsi pelaburan mampan yang menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan pembangunan jangka panjang rakyat.

Sebagai institusi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), KWSP berperanan mengurus caruman pekerja bagi tujuan persaraan di samping menjana pulangan pelaburan untuk negara. Menurut Laporan Tahunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [KWSP] (2023), institusi ini yang beroperasi berasaskan skim pencen caruman tertakrif (*defined contribution*) telah menjadi salah satu tonggak utama perlindungan sosial negara, dengan aset melebihi RM1 trilion dan keahlian seramai lebih 15 juta pencarum. Setakat tahun 2024, KWSP merekodkan keahlian seramai 16.1 juta, di mana 8.69 juta daripadanya merupakan ahli aktif merangkumi 50.3% daripada 17.29 juta tenaga buruh Malaysia. Jumlah majikan aktif berdaftar pula mencecah 612,889 (KWSP, 2024).

Walaupun KWSP menyumbang signifikan terhadap pembangunan ekonomi dan sosial, masih terdapat jurang ketidaksamaan dalam pengagihan manfaatnya. Sebagai contoh, separuh pencarum tidak aktif mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000. Faktor penyumbang termasuk gaji permulaan rendah, struktur gaji tidak seimbang sebelum pelaksanaan gaji minimum, ketidakkekalan caruman akibat mobiliti pekerjaan, liputan caruman terhad kepada sebahagian pekerja sektor swasta, serta pengeluaran khas semasa pandemik COVID-19 (KWSP, 2021). Dapatan ini menggambarkan bahawa walaupun KWSP menyumbang signifikan terhadap pembangunan ekonomi dan sosial negara melalui aspek simpanan, pendapatan dan perbelanjaan, masih wujud jurang ketidaksamaan dalam agihan manfaatnya. Golongan rentan kekal terdedah terhadap tekanan kos sara hidup, terutamanya ketika krisis ekonomi melanda.

Oleh itu, dua persoalan unggul diangkat dalam konteks ini. Pertama, adakah sistem perlindungan sosial sedia ada, khususnya KWSP, benar-benar menjamin kebebasan pembangunan bagi golongan rentan? Kedua, jika reformasi sistem perlindungan sosial diperlukan, apakah mekanisme baharu yang sesuai bagi memastikan isu kos sara hidup tidak terus membelenggu kelompok berisiko ini? Kajian ini meneliti aspek keadilan dalam pengagihan manfaat ekonomi menerusi pendekatan pembangunan klusif, iaitu model pembangunan yang menekankan keterangkuman sosial dan keseimbangan peluang. Menurut Abdul Rahman, M. A. (2023), pembangunan klusif berupaya menjadi landasan baharu dalam memahami dan menstruktur semula dasar sosial negara agar lebih responsif terhadap cabaran semasa. Pendekatan pembangunan inklusif dalam kajian ini diketengahkan sebagai wacana alternatif bagi memperkukuh sistem perlindungan sosial Malaysia serta sebagai kerangka hujah untuk menjelaskan keperluan pembaharuan dasar dalam melindungi kesejahteraan golongan rentan secara menyeluruh dan berkeadilan.

Kerangka Teoretikal Eklektik

Kajian ini berasaskan suatu kerangka teoretikal eklektik yang menggabungkan tiga pendekatan utama, iaitu Teori Peranan Negara, Teori Pembangunan sebagai Kebebasan, dan Teori Masyarakat Berisiko. Gabungan ketiga-tiga teori ini membentuk asas konseptual yang komprehensif untuk meneliti hubungan antara kesenjangan sosioekonomi, peningkatan kos sara hidup, dan keberkesanan sistem perlindungan sosial sedia ada di Malaysia. Peranan KWSP dalam konteks ini menekankan kepentingannya dalam melindungi kesejahteraan golongan rentan. Adaptasi pendekatan eklektik membolehkan analisis dilaksanakan secara pelbagai dimensi merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik, sejajar dengan sifat sistem perlindungan sosial yang kompleks dan dinamik dalam konteks negara membangun.


Pertama, teori Peranan Negara menjadi landasan utama dalam menjelaskan tanggungjawab institusi awam sebagai aktor pembangunan yang berperanan mengimbangi kegagalan pasaran serta memastikan manfaat pembangunan diagihkan secara lebih inklusif. Pemikiran klasik Karl Marx (1867), Max Weber (1965) dan John Maynard Keynes menyediakan asas yang saling melengkapi dalam memahami peranan negara. Marx menafsirkan negara sebagai instrumen dominasi kelas (Anter, 2014). Weber (1965) pula menekankan kepentingan rasionaliti birokratik dalam tadbir urus. Manakala Keynes menegaskan keperluan campur tangan kerajaan bagi menstabilkan ekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat (Gover, 2017; Milton, 1997). Dalam konteks kontemporari, teori peranan negara yang menghimpunkan empat ciri utama kuasa penetratif, kuasa ekstraktif, kuasa tadbir urus dan kuasa ke atas wilayah dilihat lebih berkeupayaan menjelaskan fungsi negara dalam pembentukan dan pelaksanaan sistem perlindungan sosial (Abdul Rahman, 2018). Di Malaysia, peranan ini terserlah melalui dasar-dasar pembangunan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Perlindungan Sosial Negara (DPSN). Sementara KWSP berfungsi sebagai manifestasi institusi negara dalam mengimbangi logik pasaran bebas dengan tanggungjawab sosial terhadap rakyat, khususnya golongan B40, warga emas dan OKU (Andersson et al., 2015; Barr, 2002; Barrientos, 2011).

Kedua, melengkapi dimensi institusi tersebut, Teori Pembangunan sebagai Kebebasan yang diperkenalkan oleh Amartya Sen memperluas makna pembangunan. Hujah Sen (1999) menegaskan bahawa pertumbuhan ekonomi semata-mata melangkaui kepada kebebasan substantif yang membolehkan individu menjalani kehidupan bermaruah dan bebas daripada ketidakpastian ekonomi. Dalam kerangka ini, pembangunan dinilai berdasarkan keupayaan individu untuk membuat pilihan, bertindak, dan membina daya

tahan terhadap tekanan sosioekonomi. Teori ini membantu menjelaskan paradoks antara kemajuan ekonomi negara dan kewujudan jurang sosioekonomi yang berterusan. Dalam landskap perlindungan sosial Malaysia, KWSP bukan sekadar instrumen simpanan persaraan, tetapi berpotensi menjadi pemangkin kebebasan sosioekonomi. Pendekatan ini didirikan melalui penyediaan mekanisme simpanan dan pelaburan jangka panjang yang mengurangkan kebergantungan kepada bantuan bersifat reaktif. Selaras dengan pandangan Abdul Rahman (2020) yang menekankan kepentingan keterkaitan dan ketergantungan sosial dalam membentuk kebolehpayaan insan yang lebih bermakna, berdaya tahan dan lestari.

Selanjutnya, keberkesanan sistem perlindungan sosial tidak dapat dinilai secara statik tanpa mengambil kira konteks risiko moden. Justeru, Teori Masyarakat Berisiko oleh Ulrich Beck (1992) disepadukan bagi meneliti bagaimana ketidakpastian global seperti ketidakstabilan ekonomi, krisis kesihatan, perubahan struktur pasaran dan peningkatan kos sara hidup yang memberi kesan yang tidak seimbang kepada golongan rentan. Beck (1992) menegaskan bahawa risiko kontemporari bukan lagi berpunca daripada faktor alam semula jadi semata-mata, tetapi terhasil daripada struktur sosial, ekonomi dan institusi itu sendiri. Kerentanan sistem perlindungan sosial sedia ada terhadap kejutan krisis (Beck, 1992; Whittington, 2015) dicerminkan menerusi pengalaman negara ketika menghadapi pandemik COVID-19. Pencarum KWSP terpaksa mengeluarkan simpanan persaraan mereka untuk menampung keperluan asas. Realiti ini menonjolkan keterbatasan mekanisme sedia ada dalam melindungi kesejahteraan golongan rentan semasa krisis.

Disimpulkan, integrasi ketiga-tiga teori ini membolehkan analisis sistem perlindungan sosial Malaysia dilaksanakan secara menyeluruh dan berlapis. Teori Peranan Negara menjelaskan kerangka institusi dan dasar. Teori Pembangunan sebagai Kebebasan menilai sejauh mana mekanisme perlindungan sosial memperluas keupayaan dan kesejahteraan individu. Manakala, Teori Masyarakat Berisiko menyoroti cabaran struktur dan risiko baharu yang dihadapi golongan rentan dalam persekitaran sosioekonomi yang tidak menentu. Gabungan ini menyediakan kerangka analisis yang kukuh untuk menilai peranan KWSP bukan sahaja sebagai pengurus simpanan persaraan, tetapi juga sebagai instrumen dasar sosial negara. Peranan ini menekankan fungsi KWSP dalam melindungi kesejahteraan rakyat dan mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup. Kerangka teori dirumuskan seperti mana di Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka Teoretikal

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka secara mendalam peranan sistem perlindungan sosial ekonomi serta implikasinya terhadap kesejahteraan golongan rentan dalam konteks masyarakat berisiko di Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana mampu menjelaskan pengalaman sosial, tafsiran dasar dan dinamika institusi yang tidak dapat dihuraikan secara memadai melalui analisis kuantitatif semata-mata (Denzin & Lincoln, 1994). Kaedah ini sesuai untuk memahami pemikiran, perasaan dan pengalaman yang tidak dapat dijelaskan melalui data kuantitatif (Cornell, 2022; Crawford & Irving, 2009). Dalam kajian ini, KWSP dipilih sebagai unit analisis. Bersandarkan kepada penegasan Tai Wai (2016) dan Anand dan Lee (2021), KWSP berperanan sebagai benteng perlindungan sosial dalam menangani kesenjangan masyarakat di Malaysia. Reka bentuk kajian memfokuskan kepada dua dimensi utama iaitu tekanan kos sara hidup dan tadbir urus perlindungan sosial yang mempengaruhi kesejahteraan golongan rentan.

Kaedah Pengumpulan Data

Data primer dikumpul melalui temu bual mendalam (*in-depth interview*) dan perbincangan kumpulan tumpu (*Focus Group Discussion*, FGD), manakala data sekunder diperolehi melalui analisis dokumen rasmi dan laporan berkaitan fokus kajian.

Menggunakan gabungan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan bola salji (*snowball sampling*), temu bual dibuat melibatkan tujuh informan yang mewakili empat sektor utama, iaitu kerajaan, swasta, politik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Pemilihan informan berdasarkan kriteria utama berautoriti dan berpengalaman luas dalam dasar awam, ekonomi, dan sosial serta berkedudukan strategik yang membolehkan refleksi dasar dan pelaksanaan diberikan secara bermakna.

Manakala, perbincangan kumpulan tumpu (FGD) melibatkan 12 peserta daripada sektor kerajaan, swasta, NGO dan politik. Dua sesi FGD dilaksanakan secara bersemuka dengan tempoh antara 90 hingga 120 minit bagi setiap sesi. Komposisi peserta direka secara homogen dan heterogen bagi mengimbangi kesepakatan pengalaman sektor serta kepelbagaian perspektif dasar. Kedua-dua bentuk kumpulan, homogen dan heterogen, digunakan untuk memastikan kepelbagaian pandangan dan interaksi seimbang (Tendolkar et al., 2017; Woźniak, 2014). Panduan temu bual dan perbincangan dibangunkan berasaskan tiga tema utama iaitu pengalaman pelaksanaan perlindungan sosial, persepsi terhadap peranan KWSP dalam menangani tekanan kos sara hidup, serta cadangan pembaharuan dasar. Ketepuan data dicapai apabila perbincangan terakhir tidak lagi menghasilkan tema baharu dan dapatan FGD menunjukkan pola hujah yang berulang.

Tatacara dan Analisis Data

Data kualitatif yang telah dikumpulkan kemudiannya dianalisis menggunakan analisis tematik (*thematic analysis*) berpandukan enam fasa Braun dan Clarke (2006) iaitu membiasakan diri dengan data, penjaanaan kod awal, pencarian tema, semakan tema, penentuan dan penamaan tema, serta penulisan laporan. Kaedah manual dipilih kerana sesuai untuk konteks kajian yang melibatkan naratif bernuansa daripada peserta, membolehkan penglibatan reflektif dan kawalan intelektual pengkaji sepanjang proses analisis. Kaedah ini membolehkan pengkaji meneliti makna secara mendalam dan mengekalkan ketelusan konsep sepanjang proses analisis.

Prosedur Pelaksanaan Kajian dan Pertimbangan Etika

Kajian dijalankan mengikut tatacara beretika dan protokol piawai penyelidikan. Persetujuan termaklum telah diperolehi daripada semua informan sebelum temu bual dijalankan, termasuk persetujuan untuk mendedahkan nama dan jawatan mereka. Keseluruhan proses persetujuan, pelaksanaan temu bual serta pengurusan data telah didokumentasikan dan direkodkan secara sistematik bagi memastikan ketelusan serta kebolehkesanan prosedur penyelidikan. Pendedahan identiti ini selari dengan amalan penyelidikan dasar yang melibatkan temu bual pakar institusi, di mana kredibiliti hujah dan ketepatan tafsiran bergantung kepada kedudukan profesional serta pengalaman informan dalam bidang berkaitan. Maklumat yang dikemukakan adalah bersifat profesional,

merujuk kepada pengalaman dasar dan pandangan institusi, serta tidak melibatkan pendedahan maklumat sensitif peribadi.

Selaras dengan amalan penyelidikan di IKMAS, UKM, kelulusan jawatankuasa etika tidak diwajibkan tetapi digalakkan. Walau bagaimanapun, prinsip persetujuan dimaklumkan, penggunaan maklumat secara bertanggungjawab serta keselamatan data tetap dipatuhi. Kesahan dapatan diperkukuh melalui triangulasi sumber data dan audit trail analisis serta terhadap dapatan temu bual bagi memastikan interpretasi pengkaji selari dengan maksud peserta.

Hasil Kajian

Menjejak Realiti Keberkesanan Perlindungan Sosial Negara

Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar pembangunan dan perlindungan sosial bagi menangani isu kesenjangan pendapatan dan pengagihan kekayaan. Namun realitinya, jurang pendapatan dan kemiskinan masih wujud dalam kalangan kumpulan berisiko. Golongan ini merangkumi isi rumah miskin, pekerja sektor tidak formal, orang kurang upaya, warga emas, wanita, kanak-kanak dan komuniti Orang Asli. Keadaan ini menunjukkan bahawa mekanisme pengagihan ekonomi sedia ada, termasuk agihan tabungan dan perlindungan pendapatan jangka panjang, masih belum mampu melindungi sepenuhnya kualiti hidup golongan rentan, khususnya apabila berdepan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat. Bagi menilai tahap kerentanan ekonomi dan keperluan sistem perlindungan sosial di Malaysia, beberapa indikator ekonomi utama telah dirumuskan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Indikator Ekonomi di Malaysia

Indikator	Tahun			
	2019	2020	2021	2022
Pendapatan Isi Rumah Purata (RM)	7,901	7,089	7,185	8,479
Perbelanjaan Isi Rumah Purata (RM)	4,534	3,504	NA	5,150
Indeks Harga Pengguna (IHP)	0.7	-1.2	2.5	3.3
(%)	121.5	120.1	124.9	129.2
Pekali Gini	0.407	0.411	NA	0.404
Insiden Kemiskinan Relatif (%)	16.9	16.2	NA	16.6
Insiden Kemiskinan Tegar (%)	0.4	1.0	NA	0.2

Jadual 1 merupakan sintesis laporan tinjauan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah (HIES) 2019 dan 2022 serta anggaran pendapatan isi rumah dan insiden kemiskinan 2020 berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia. Secara empirikal melalui data Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), kadar kemiskinan pendapatan meningkat secara ketara daripada 0.4% pada tahun 2016 kepada 5.6% pada tahun 2019. Peningkatan ini berlaku susulan semakan garis kemiskinan nasional daripada RM980 kepada RM2,208 sebulan bagi isi rumah empat orang. Implikasinya, kira-kira 405,000 isi rumah atau 1.6 juta individu diklasifikasikan hidup di bawah garis kemiskinan. Perubahan ini bukan sahaja mencerminkan realiti kos sara hidup sebenar, malah menonjolkan kelemahan perlindungan pendapatan dan simpanan jangka panjang bagi kumpulan berpendapatan rendah. Sebagai contoh, akses terhadap instrumen formal seperti KWSP.

Walaupun terdapat sedikit penurunan pekali Gini kepada 0.407 pada tahun 2021 (Haddad et al., 2024), tahap ketidaksamaan pendapatan tersebut masih menunjukkan ketidakseimbangan struktur. Indikator ekonomi seperti pendapatan isi rumah, perbelanjaan isi rumah, indeks harga pengguna (IHP), pekali Gini serta insiden kemiskinan relatif dan tegar perlu dianalisis secara bersepadu bagi menilai keberkesanan sistem perlindungan sosial. Setiap indikator ini mempunyai implikasi langsung terhadap kualiti hidup golongan rentan dan keupayaan mekanisme perlindungan sosial, khususnya KWSP, dalam bertindak sebagai penampan ekonomi.

Berdasarkan enam indikator ekonomi utama yang dirumuskan memperlihatkan bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan signifikan terhadap pendapatan dan perbelanjaan isi rumah. Penurunan pendapatan purata isi rumah daripada RM7,901 (2019) kepada RM7,089 (2020) disertai dengan pengurangan

perbelanjaan isi rumah. Hal ini menunjukkan penyusutan kesejahteraan ekonomi, terutamanya bagi isi rumah rentan yang bergantung kepada pendapatan harian. Dalam tempoh ini juga, caruman KWSP turut terjejas akibat pengurangan pendapatan dan kehilangan pekerjaan, sekali gus melemahkan perlindungan simpanan masa hadapan. Walaupun pemulihan pasca COVID-19 pada tahun 2021 hingga 2022 menyaksikan peningkatan semula pendapatan isi rumah kepada RM8,479, peningkatan inflasi yang ditunjukkan melalui kenaikan IHP kepada 129.2 pada tahun 2022 telah menekan kuasa beli isi rumah. Keadaan ini memberi implikasi langsung kepada golongan rentan yang mempunyai simpanan terhad dalam KWSP atau langsung tidak diliputi oleh skim tersebut, terutamanya pekerja sektor tidak formal. Justeru, peningkatan pendapatan nominal tanpa disokong oleh perlindungan sosial yang menyeluruh tidak semestinya membawa kepada peningkatan kualiti hidup yang sebenar.

Keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa keberkesanan sistem perlindungan sosial tidak boleh dinilai secara terasing, tetapi perlu difahami melalui hubungan dinamik antara indikator ekonomi dan mekanisme perlindungan sosial insurans sosial seperti KWSP. Sistem perlindungan sosial yang berfungsi dengan baik seharusnya mampu mengurangkan ketidaksamaan pendapatan, menstabilkan kos sara hidup dan memperkukuh daya tahan ekonomi isi rumah. Tanpa reformasi yang lebih inklusif dan adaptif, khususnya dalam memperluas liputan dan fungsi KWSP kepada kumpulan rentan berisiko, jurang kesejahteraan dan kualiti hidup akan terus melebar walaupun wujud pertumbuhan ekonomi secara agregat.

Malaysia dan Kos Sara Hidup

Kos sara hidup adalah fenomena sejagat. Secara asasnya, ia merujuk kepada jumlah perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh individu atau isi rumah bagi memenuhi keperluan asas untuk meneruskan kehidupan harian pada tahap yang munasabah. Menurut Ismail et al. (2023) secara ekonomi, kos sara hidup merangkumi perbelanjaan asas isi rumah seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Dari sudut sosial, Lokshin et al. (2023) mentakrifkannya sebagai perbelanjaan yang diurus oleh isi rumah dalam tempoh tertentu bagi mengekalkan tahap kehidupan sebagai sebahagian daripada masyarakat. Sementara itu, Latimaha et al. (2020) mengaitkan kos sara hidup dengan taraf hidup yang dipengaruhi oleh perubahan corak perbelanjaan, keanjalan permintaan serta perbezaan sosial dan serantau. Ringkasnya, faktor penyumbang kos sara hidup berbeza mengikut struktur negara dan dipengaruhi oleh unsur terjangka serta luar jangka merentasi dimensi ekonomi, sosial, politik, teknologi dan alam sekitar. Keanjalan kos sara hidup pula bergantung kepada faktor dalaman dan luaran yang saling berkaitan dengan dimensi tersebut.

Pengkelasan ekonomi masyarakat menyumbang kepada krisis kos sara hidup melalui lima mekanisme: (i) ketidakseimbangan terhadap isi rumah berpendapatan rendah; (ii) ketahanan kewangan terhad; (iii) akses kepada sumber; (iv) peluang tindak balas dasar; (v) polisi semasa dan kerentanan kepada kejutan luar jangka (Molina G.G et al., 2022). Malaysia, sebagai negara membangun tidak terkecuali daripada tekanan kos sara hidup. Peningkatan kos di negara ini dipengaruhi oleh faktor domestik seperti inflasi, kenaikan harga rumah serta kos barangan dan perkhidmatan (Azmi et al., 2023). Selain itu, ia dipacu oleh dasar ekonomi dan keadaan pasaran yang membentuk hubungan antara kos sara hidup dan taraf hidup (Latimaha et al., 2020). Penentu lain termasuk tahap pendapatan, kadar pengangguran dan kedudukan kewilayahan yang turut mempengaruhi mobiliti penduduk dan tekanan kos sara hidup (Mazan et al., 2023);

Seterusnya, fenomena lambakan buruh asing turut memberi kesan langsung kepada kos sara hidup dan sektor perburuhan. Kehadiran pekerja asing menekan gaji rakyat tempatan dan seterusnya telah mengecilkan daya tahan dan peluang pekerjaan domestik (Hasan, temu bual, 19 Oktober 2024). Pada masa yang sama, daya beli dan corak perbelanjaan masyarakat turut menyumbang kepada tekanan kos sara hidup, di mana budaya kepenggunaan yang lemah secara relatifnya merangsang kenaikan kos barangan (Datu Derin, temu bual, 23 September 2024). Pandangan informat mewakili sektor NGO dan birokrat ini menunjukkan bahawa kos sara hidup di Malaysia dipengaruhi oleh gabungan faktor ekonomi, dasar, sosial, buruh dan tingkah laku pengguna, menjadikannya kompleks dan multidimensi.

Dalam konteks yang lebih luas, konflik sosial, tekanan kos sara hidup dan kelemahan sistem perlindungan sosial saling berinteraksi dalam membentuk kerumitan masalah masyarakat di Malaysia. Pakrisamy (temu bual, 26 Julai 2024) berpandangan bahawa pengukuhan sistem kebajikan memerlukan

mekanisme yang lebih fleksibel serta berorientasikan jangka panjang. Hal ini kerana tekanan ekonomi yang berpanjangan turut mencetuskan konflik keluarga dan ketidakstabilan sosial, sekali gus meningkatkan keperluan kepada perlindungan sosial yang lebih inklusif dan seimbang. Pendekatan sedemikian berpotensi merapatkan jurang ketidaksamaan serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap institusi awam (Firouz, 2023).

Dalam menangani tekanan kos sara hidup, usaha meningkatkan kuasa beli dan simpanan rakyat menjadi elemen penting. Keberkesanan program kos sara hidup bergantung pada keupayaan isi rumah menampung keperluan asas dan cabaran harian (M.Taib, temu bual, 15 Oktober 2024). Dalam persekitaran sosioekonomi yang dinamik, peningkatan kos sara hidup menuntut dasar yang lebih responsif dan selaras dengan realiti semasa (Numonjonovich, 2022). Hal ini menunjukkan bahawa pembaharuan mekanisme perlindungan sosial perlu menjamin akses yang saksama dan mencukupi merentasi semua lapisan masyarakat. Dari perspektif keterangkuman sosial, sistem perlindungan sosial bukan sahaja menyokong kesejahteraan individu, tetapi juga berfungsi sebagai pemangkin kepada kestabilan sosioekonomi secara lebih luas.

Meneliti Laporan KRI (2021, 2024), pelaksanaan program berasaskan keterangkuman mampu meningkatkan daya tahan komuniti bandar dan mengurangkan tekanan sosial. Keseimbangan antara keterangkuman sosial dan pembangunan ekonomi menjadi asas kepada pembentukan persekitaran yang harmoni dan lestari. Seiring dengan perubahan demografi, perlindungan sosial turut memainkan peranan penting dalam ekonomi penjagaan, khususnya dalam menangani isu penjagaan tanpa gaji di negara yang semakin menua seperti Malaysia (Lee et al., 2024).

Perbincangan

Arakian, perbincangan kajian ini disusun berdasarkan tiga dimensi utama dalam sorotan literatur, iaitu perkembangan sistem perlindungan sosial di Malaysia, cabaran golongan rentan dalam konteks kos sara hidup, serta peranan KWSP dalam ekosistem perlindungan sosial negara. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan sistem perlindungan sosial di Malaysia masih tidak seimbang dalam menangani tekanan kos sara hidup golongan rentan.

Pertama, dari perspektif perkembangan sistem perlindungan sosial di Malaysia, sistem ini berkembang seiring dengan trajektori pembangunan negara melalui pelbagai instrumen dasar seperti subsidi, kawalan harga, bantuan tunai dan skim caruman sosial. Namun demikian, perkembangan tersebut belum menghasilkan sistem perlindungan sosial yang benar-benar bersepadu. Ayub (temu bual, 4 Januari 2023) dan Datu Derin (temu bual, 23 September 2024) mengakui bahawa pelaksanaan program perlindungan sosial, khususnya bantuan sosial, masih dilaksanakan secara berasingan antara agensi dan tidak sentiasa diselaraskan secara menyeluruh antara kementerian yang terlibat. Keadaan ini menimbulkan cabaran dari segi penyelarasan dasar serta menjejaskan keberkesanan pelaksanaan program. Ketidakseimbangan ini menjadi lebih ketara apabila wujudnya had jangkauan skim insurans sosial dalam melindungi kelompok tertentu (Uchiyama et al., 2022). Dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran utama sistem perlindungan sosial bukan sekadar berkaitan ketersediaan program, tetapi berpunca daripada struktur institusi yang masih terasing dan berfragmentasi. Selaras dengan saranan Mansor (2020), penyelarasan institusi yang lebih koheren serta pembangunan satu platform perlindungan sosial yang komprehensif wajar dipertimbangkan bagi meningkatkan keberkesanan perlindungan sosial secara menyeluruh. Namun begitu, ianya perlu disokong oleh pendekatan dasar yang lebih responsif dan berorientasikan jangka panjang.

Kedua, dalam meneliti cabaran golongan rentan dalam menghadapi tekanan kos sara hidup, dapatan kajian menunjukkan bahawa tekanan tersebut bukan sekadar berpunca daripada kenaikan harga barangan, tetapi turut berpunca daripada keterbatasan kapasiti kewangan isi rumah serta tahap simpanan yang rendah. Keadaan ini menjadikan golongan rentan lebih terdedah kepada ketidakstabilan ekonomi dan sukar menampung peningkatan kos perbelanjaan harian. Mewakili perspektif sektor kerajaan, Datu Derin (temu bual, 23 September 2024) menjelaskan bahawa peningkatan kos sara hidup memberi kesan besar kepada isi rumah berpendapatan rendah kerana mereka tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung keperluan asas. Menyokong pandangan tersebut, Mohd Nor (temu bual, 17 Mac 2025) menegaskan bahawa

ramai dalam kalangan golongan rentan berhadapan dengan tekanan kewangan berpanjangan akibat pendapatan yang tidak stabil. Keadaan ini menjadikan isi rumah berpendapatan rendah berada dalam kedudukan kewangan yang rapuh dan tidak mempunyai penampungan untuk menghadapi kejutan ekonomi (Pakrisamy, temu bual, 26 Julai 2024). Rumusan FGD homogen dan heterogen turut mengesahkan bahawa cabaran ini diperburuk oleh kelemahan struktur, capaian dan ketelusan dalam sistem perlindungan sosial sedia ada. Dalam konteks ini, sinergi antara kerajaan, sektor swasta, NGO dan komuniti menjadi penting bagi memperkukuh pelaksanaan dasar serta meningkatkan keberkesanan intervensi perlindungan sosial dalam menangani cabaran tekanan kos sara hidup golongan rentan.

Ketiga, kajian ini turut menekankan peranan KWSP sebagai institusi teras dalam sistem perlindungan sosial di Malaysia yang kini semakin melangkaui fungsi tradisionalnya sebagai mekanisme simpanan persaraan. Skim caruman sosial melalui tabungan dan pencen yang sistematik menyediakan sumber pendapatan yang stabil bagi menjamin kelangsungan hidup selepas persaraan (Ragayah et al., 2002). Seiring perubahan demografi dan peningkatan populasi menua, perlindungan sosial turut menjadi elemen penting dalam menyokong ekonomi penjagaan, khususnya dalam menangani isu penjagaan tanpa gaji (Lee et al., 2024). Namun dalam konteks krisis ekonomi dan pandemik COVID-19, simpanan KWSP turut menjadi sumber kewangan bagi menampung keperluan hidup apabila berlaku gangguan pendapatan. Mubarak Ali (temu bual, 18 April 2025) menjelaskan bahawa pengeluaran khas KWSP ketika pandemik merupakan langkah 'luar biasa' negara sebagai sumber terakhir rakyat yang berhadapan dengan tekanan ekonomi yang mendesak. Dapat dirumuskan bahawa KWSP berfungsi sebagai instrumen perlindungan kewangan yang lebih luas dalam ekosistem perlindungan sosial negara. Walau bagaimanapun, kebergantungan terhadap pengeluaran simpanan semasa krisis berpotensi menjejaskan keselamatan kewangan jangka panjang pencarum (Mubarak Ali, temu bual, 18 April 2025). Keadaan ini menimbulkan dilema dasar antara keperluan perlindungan kewangan jangka pendek dan jaminan keselamatan kewangan selepas persaraan.

Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem perlindungan sosial di Malaysia masih memerlukan pendekatan yang lebih bersepadu dan responsif dalam menangani cabaran sosioekonomi semasa. Dalam konteks ini, peranan KWSP kekal signifikan sebagai institusi teras perlindungan sosial negara, namun keberkesananannya perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas yang melibatkan penyelarasan antara pelbagai instrumen dasar perlindungan sosial. Sehubungan itu, dapatan ini menegaskan bahawa peranan KWSP perlu ditafsirkan sebagai sebahagian daripada ekosistem perlindungan sosial yang lebih luas dan saling bergantung, sekali gus membawa kepada keperluan suatu reformasi yang lebih menyeluruh.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa sistem perlindungan sosial di Malaysia masih berhadapan dengan cabaran keterangkuman dan kemampunan dalam menangani tekanan kos sara hidup golongan rentan. Walaupun KWSP kekal sebagai mekanisme perlindungan pendapatan jangka panjang yang penting, keberkesananannya masih dipengaruhi oleh struktur pasaran buruh formal serta cabaran sosioekonomi moden seperti peningkatan kos sara hidup.

Pendekatan teoretikal eklektik yang menggabungkan Teori Peranan Negara, Pembangunan sebagai Kebebasan dan Teori Masyarakat Berisiko membolehkan kajian ini menjelaskan bahawa perlindungan sosial perlu difahami sebagai fenomena berlapis yang melibatkan hubungan antara kapasiti negara, kebebasan sosioekonomi individu serta pengurusan risiko. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan simpanan persaraan sebagai mekanisme penyesuaian krisis menimbulkan implikasi terhadap keselamatan ekonomi jangka panjang, sekali gus menegaskan keperluan sistem perlindungan sosial yang lebih adaptif.

Dari sudut sumbangan ilmu, kajian ini memperluas literatur dengan menunjukkan bahawa jurang perlindungan sosial bukan sahaja berpunca daripada keterbatasan liputan institusi, tetapi turut dibentuk oleh interaksi antara struktur pasaran buruh, koordinasi institusi serta tekanan kos sara hidup yang semakin kompleks. Implikasi dasar kajian ini mencadangkan bahawa reformasi perlindungan sosial tidak boleh tertumpu kepada peluasan liputan semata-mata, sebaliknya memerlukan penyelarasan antara pasaran buruh, institusi simpanan persaraan serta intervensi negara yang lebih adaptif bagi memastikan kesejahteraan

golongan rentan dapat dipelihara secara mampan. Pembinaan satu rumus baharu sistem perlindungan sosial yang lebih bersepadu wajar dipertimbangkan bagi memastikan keseimbangan antara sokongan semasa dan jaminan kesejahteraan jangka panjang.

Penghargaan: Penulis merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), UKM atas sokongan dalam penyelidikan ini.

Pernyataan Persetujuan Termaklum: Informan dimaklumkan tentang tujuan kajian dan persetujuan bertulis diperoleh sebelum temu bual dijalankan.

Konflik Kepentingan: Penulis mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rahman, E. (2000). *Negara pasaran dan pemodenan Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman, E. (2004). Memikir semula persoalan pembangunan manusia: Antara teori dengan realiti. *Akademika*, 64(1), 15–26.
- Abdul Rahman, E. (2018). *Pembangunan dan kesejahteraan: Agenda kemanusiaan abad ke-21* (Edisi ke-3). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman, H. (2016). *Mendefinisikan semula pembangunan di Malaysia (Redefinition of development in Malaysia)*. Universiti Putra Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/309571071_Mendefinisikan_Semula_Pembangunan_di_Malaysia_Redefinition_of_development_in_Malaysia
- Abd Rahman, M. A. (2023). Menangani persoalan klusif, inklusif dan eksklusif dalam wacana pembangunan di Malaysia. Dalam *Wacana pembangunan dan pembangunan wacana* (Vol. 1, hlm. 17–32). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, I. (2021). Perpaduan dan Krisis Politik Melayu: Satu Analisis. *Journal of Administrative Science*, 18(1), 323–333.
- Abu Bakar, N. N., Jamaludin, N. S., & Ahmad, N. A. (2024). The wellbeing of B40 households: A case of MySalam scheme from Sen's capability approach. *Malaysian Journal of Society and Space*, 20(2), 95–106. <https://doi.org/10.17576/geo-2024-2002-06>
- Adnan, M. A. A., Mohd Noor, R., Abdul Rahim, A. H., Yaacob, N. A., & Najid, N. A. (2018). Negara dan transformasi pembangunan jaringan keselamatan sosial di Malaysia. *Journal for Social Sciences*, 22(Special Issue), 162–175.
- Adnan, M. A. A., & Sity, D. (2018). Manifesto Barisan Nasional dan kejatuhan Najibnomics dalam Pilihan Raya Umum ke-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 343–366.
- Ali, G. H. A. (2010). Transformasi falsafah pembangunan negara – 1 Malaysia (Transformation of the national development philosophy – 1 Malaysia). Dalam *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V (PERKIM)* (Vol. 2, hlm. 219–225).
- Anand, R. K., & Lee, A. (2021). Politik dan pandemik—Bagaimana k'jaan “rapuh” gagal mendepani Covid-19 *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/587297>
- Andersson, P., Mejido, M., Aguin Ferradás, J. R., Anderson, C., Atkinson, D., Björk, T., di Gaetano, S., Meyer, N., Roncarati, M., Sokou, E., & Steinmayer, V. (2015). *Time for equality: The role of social protection in reducing inequalities in Asia and the Pacific*. United Nations. <https://www.unescap.org>
- Anter, A. (2014). *Max Weber's theory of the modern state*. Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/9781137364906>
- Azmi, N. A., Fitriana, A. R. D., Rohsede, N. H. A., Ramden, N. A., & Puteh, F. (2023). Tackling high cost of living in Malaysia: a strategic analysis. *Journal of Administrative Science*, 20(2), 179-206.

- Barr, N. (2002). Reforming pensions: Myths, truths, and policy choices. *International Social Security Review*, 55(2), 3–36. <https://doi.org/10.1111/1468-246x.00122>
- Barrientos, A. (2011). Social protection and poverty. *International Journal of Social Welfare*, 20(3), 240–249. <https://doi.org/10.1111/j.1468-2397.2011.00783.x>
- Barron, J. M., & Staten, M. E. (1995). Coercion in the selling of credit life insurance. *Psychology & Marketing*, 12(8), 765–787. <https://doi.org/10.1002/mar.4220120810>
- Beck, U. (1992). *Risk society: Towards a new modernity*. Sage.
- Behrendt, C., & Nguyen, Q. A. (2019). Ensuring universal social protection for the future of work. *Transfer: European Review of Labour and Research*, 25(2), 205–219. <https://doi.org/10.1177/1024258919857031>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Cameron Nadim Haddad, Mahler, D. G., Diaz-Bonilla, C., Hill, R., Lakner, C., & Lara Ibarra, G. (2024, June). *The World Bank's new inequality indicator: The number of countries with high inequality*. World Bank Group.
- Che Man, N., Rameli, M. F. P., & Wan Jusoh, W. N. H. (2022). Mekanisme I-CSR sebagai medium kelestarian kewangan golongan miskin rentan. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 4(2), 53–71.
- Cornell, J. (2022). Qualitative research methods: Types, examples and analysis. *ProProfs Survey Maker*. <https://www.proprofsurvey.com/blog/qualitative-research>
- Crawford, J., & Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: A qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science*, 41(1), 29–38. <https://doi.org/10.1177/0961000608099897>
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (1994). *Handbook of qualitative research*. Sage.
- Economic Planning Unit. (2021). *Laporan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021–2025* (hlm. 554). Unit Perancang Ekonomi.
- Firouz, A. (2023). *A new vision for social protection in Malaysia* (KRI Views, 3(23), 1–7). Khazanah Research Institute.
- Gabriele, K. (2021). Effects of social protection on social inclusion, social cohesion and nation building. Dalam *Handbook on social protection systems* (hlm. 636–646). Edward Elgar Publishing.
- Gover, Z. T. (2017). The role of the state in Keynes own works. *Ekonomik Yaklasim*, 47. <https://doi.org/10.5455/ey.36110>
- Hamid, N. A., Yaacob, Z., Ibrahim, Z., Azizan, S., & Rashid, N. (2021). A Socio-Economic Perspective of B40 Household Budgets in Malaysia. *The Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27(2), 19–24. <https://cibgp.com/index.php/1323-6903/article/view/896>
- Ibrahim, A. (2023). *Membangun Negara Madani: Visi dan kerangka dasar reformasi*. Institut Darul Ehsan.
- International Labour Organization. (2021). *World social protection report 2020–22* (Flagship report). <https://www.ilo.org/>
- International Labour Organization. (2024). Statistics on social protection. *ILOSTAT*. <https://ilostat.ilo.org/topics/social-protection>
- Ismail, N. A., Daud, L., Mohd, S., Samat, N., & Ridzuan, A. R. (2023). Living style and cost of living: A cross-section analysis of B40 households in Malaysia. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 31(1), 393–427. <https://doi.org/10.60016/majcafe.v31.15>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Kajian semula pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2019 Malaysia*. <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025, January 10). *Kenyataan media: Statistik tenaga buruh, Malaysia, November 2024*. Kementerian Ekonomi. <https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file20250110115849.pdf>
- Jefri, Y. (2019). Punca peningkatan kos sara hidup di Malaysia. *iLabur*. <https://ilabur.com/punca-peningkatan-kos-sara-hidup-di-malaysia/>

- K. Arpine. (2024, September 25). *E-Government Survey 2024 Accelerating Digital Transformation for Sustainable Development*. Eighth Session of Asia-Pacific Information Superhighway Initiative Steering Committee Meeting, Jeju Island, Republic of Korea.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2025). *Belanjawan 2025: Tinjauan ekonomi 2025* (hlm. 212). <https://belanjawan.mof.gov.my/ms/ekonomi>
- Khazanah Research Institute. (2021). *Menongkah badai: Ke arah keterangkuman perlindungan sosial di Malaysia—Buku ringkasan* (hlm. 44). <http://www.krinstitute.org/>
- Khazanah Research Institute. (2024). *The state of households 2024: Households and the pandemic 2019–2022 (SoH 2024)* (hlm. 176).
- Kuran, C. H. A., Morsut, C., Kruke, B. I., Krüger, M., Segnestam, L., Orru, K., Nævestad, T. O., Airola, M., Keränen, J., Gabel, F., Hansson, S., & Torpan, S. (2020). Vulnerability and vulnerable groups from an intersectionality perspective. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 50, 101826. <https://doi.org/10.1016/j.ijdr.2020.101826>
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2021). KWSP komited bantu ahli bina semula simpanan dan jamin masa depan persaraan. <https://www.kwsp.gov.my/>
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2023). *Laporan tahunan bersepadu 2023: Memupuk ketahanan demi kemampanan masa hadapan* (hlm. 350). <https://www.kwsp.gov.my/ms/korporat/berita-sorotan/penerbitan>
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2024, November 11). KWSP mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan RM57.57 bilion pada 9B 2024. KWSP. <https://www.kwsp.gov.my/>
- Latimaha, R., Ismal, A. S., & Bahari, Z. (2020). Cost of living and standard of living nexus: The determinants of cost of living. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 54(3). <https://doi.org/10.17576/JEM-2020-5403-1>
- Lee, M. H., Cheng, C. K. W., Agha, S., & Farid, A. (2024). Membina ekonomi penjagaan dari buaian hingga ke liang lahad untuk Malaysia. Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia.
- Lokshin, M., Sajaia, Z., & Torre, I. (2023). *Who suffers the most from the cost-of-living crisis?* (Policy Research Working Paper No. 10377). World Bank.
- Mansor, N. (2020). *Safeguarding Malaysian workers and households: Impacts and avenues for Malaysia's social protection in COVID-19 and beyond* [Webinar]. ISIS Forum. <https://www.isis.org.my/>
- Mazan, D., Isahak, S. N., Abd Ghani@Ismail, R., Abu Bakar, B., Shaari, N. F., & Ya'acob, F. F. (2023). Determinants of the cost of living in Malaysia. *Insight Journal*, 10(2), 126–139. <https://doi.org/10.24191/ij.v0i0.22961>
- McNamara, K. E., & Clissold, R. (2025). Vulnerable groups and preliminary insights into intersecting categories of identity in Laamu Atoll, Maldives. *Singapore Journal of Tropical Geography*, 40(3), 410–428. <https://doi.org/10.1111/sjtg.12280>
- Md Nooh, M. A., Subramaniam, G., & Hanafiah, M. H. (2021). Cash transfer programme in Malaysia: A conceptual analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2), 494–507. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i2/7992>
- Melis, M. (2018). Keterlekatan ekonomi terhadap kehidupan sosial. *SALAM: Jurnal Sosial dan Budaya Syar-i*, 5(1), 65–76. <https://doi.org/10.15408/sjsbs.v5i1.7908>
- Milton, F. (1997). John Maynard Keynes. *FRB Richmond Economic Quarterly*, 83(2), 1–23.
- Mohamad Fazli, S. (2017). Cabaran kewangan isi rumah miskin bandar rentetan peningkatan kos sara hidup. *Ringgit* (April), 12.
- Mohd Balwi, M. K. B. (2005). Pembangunan luar bandar di Malaysia: Gerakan Desa Wawasan (GDW) sebagai mekanisme pembangunan masyarakat luar bandar. *Sains Humanika (Jurnal Teknologi)*, 42(1), 31–48. <https://doi.org/10.11113/sh.v42n1.348>
- Molina, G. G., Montoya-Aguirre, M., & Ortiz-Juarez, E. (2022). *Addressing the cost-of-living crisis in developing countries: Poverty and vulnerability projections and policy responses* (Analysis report). United Nations Development Programme. <https://reliefweb.int/>
- Numonjonovich, M. M. (2022). Economic development and role of Maslow's hierarchy of needs. *Web of Scientist: International Scientific Research Journal*, 3(7), 5–10.

- Nurul Nadzirah Abdul Nasir. (2024). A bibliometric review of the B40 households group in Malaysia. *Journal of Social Transformation and Regional Development (JSTARD)*, 6(1), 64–72. <https://doi.org/10.30880/jstard.2024.06.01.008>
- OECD. (2015). *Integrating social services for vulnerable groups: Bridging sectors for better service delivery*. <https://doi.org/10.1787/9789264233775-en>
- OECD. (2017). *A decade of social protection development in selected Asian countries*. <https://doi.org/10.1787/9789264272262-en>
- Rahimah, A. Z. (2000). Perancangan pembangunan sosioekonomi: Dasar, strategi dan pelaksanaan. Dalam E. Abdul Rahman (Ed.), *Negara pasaran dan pemodenan Malaysia* (hlm. 45–68). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ragayah, H. M. Z., Lee, H. A., & Abdul-Rahman, S. (2002). Social protection in Malaysia. In E. Huber & R. Holzmann (Eds.), *Social protection in Southeast and East Asia* (pp. 119–166). Friedrich Ebert Stiftung.
- Rukmana, D. (2014). Vulnerable populations. Dalam A. C. Michalos (Ed.), *Encyclopedia of quality of life and well-being research* (hlm. 6989–6992). Springer. https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5_3184
- R. Whittington, R. (2015). *Giddens, Structuration Theory and Strategy as Practice*. 145–164.
- Sen, A. (1999). *Development as freedom*. Alfred A. Knopf.
- Sity, D. (2004). Globalisasi dan negara pembangunan. *Akademika*, 64, 27–41.
- S.M.Dawilah, al-E., Hussain, O., & E.Ahmad. (2010). *Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi: Bapa Pembangunan Modal Insan Negara*. UTHM.
- Suhaimi A. Samad. (2022). Pelaksanaan program perlindungan sosial di Malaysia: Kajian kes di Pulau Pinang dan Melaka. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 17.
- Tai Wai, K. (2016). Perancangan kewangan dan aplikasi teori tingkah laku kewangan dan teori keperluan Maslow: Kajian kes KWSP di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8), 10–21.
- Tendolkar, V., Behere, P., Quazi, Z., & Gaidhane, A. (2017). Heterogeneous group discussion to improve reliability and validity of data tool: A global mental health assessment tool–primary care version study. *Journal of Datta Meghe Institute of Medical Sciences University*, 12(1), 45. https://doi.org/10.4103/jdmimsu.jdmimsu_22_17
- Uchiyama, Y., Furuoka, F., & Md Nasrudin, M. A. (2022). Gig workers, social protection and labour market inequality: Lessons from Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 56(3). <https://doi.org/10.17576/JEM-2022-5603-09>
- United Nations. (2017). *Universal Declaration of Human Rights*. United Nations.
- United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific. (2024). *Protecting our future today: Social protection in Asia and the Pacific (Social outlook for Asia and the Pacific)* (hlm. 150). United Nations.
- Ul Mustafa, A. R., Nishat, M., & Abro, A. A. (2022). Social protection spending in context of structural and institutional performance: A global empirical analysis. *Social Indicators Research*, 163(2), 875–899. <https://doi.org/10.1007/s11205-022-02933-6>
- Wahab, M. A. A., Shahiri, H. I., Mansur, M., & Zaidi, M. A. S. (2018). Kos sara hidup tinggi di Malaysia: Pertumbuhan pendapatan isi rumah yang perlahan atau taraf hidup yang meningkat? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(2), 117–133. <https://doi.org/10.17576/JEM-2018-5201-10>
- Weber, M. (1965). *Politics as a vocation*. Fortress Press.
- Woźniak, W. (2014). Homogeneity of focus groups as a pathway to successful research findings? Methodological notes from the fieldwork. *Przegląd Socjologii Jakościowej*, 10(1), 6–23. <https://doi.org/10.18778/1733-8069.10.1.01>
- Yemtsov, R. (2013). *Poverty and vulnerability concepts* [Slide deck]. World Bank.
- Zin, R. H. M. (2012). Malaysia: Towards a social protection system in an advanced equitable society. *ASEAN Economic Bulletin*, 29(3), 197–217.